

TARIKH	7 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	8	RUANGAN	Nasional

Empat jemaah haji meninggal dunia

MAKKAH - Empat jemaah haji kita meninggal dunia di Tanah Suci, setakat ini.

Pengurus Pusat Maklumat Operasi Shafie Sharif berkata, mereka meninggal dunia di Madinah kerana uzur; serangan jantung dan jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Baqi, berhampiran Masjid Nabawi.

Beliau berkata, pusat maklumat Tabung Haji yang beroperasi di Hotel

Janadiriah di sini, sudah menyalurkan maklumat berhubung kematian jemaah haji itu kepada waris mereka di tanah air.

"Semua urusan pengebumian dikendalikan Tabung Haji dan bagi yang meninggal dunia di Makkah, jenazah akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Maala atau Al Syarayek," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Shafie berkata, pihak Tabung Haji juga

akan menyempurnakan upah haji atau badal haji bagi jemaah haji yang meninggal dunia sebelum sempat melaksanakan rukun haji iaitu Wukuf di Arafah pada 9 Zulhijjah bersamaan 25 Okt ober ini.

Seramai 28,000 jemaah haji Malaysia tunai Rukun Islam kelima itu tahun ini. Rombongan pertama jemaah Malaysia tiba 17 September lalu dan seramai 74 jemaah kita meninggal dunia. - Bernama